



**Pusat Khidmat Pelanggan**



Hubungi 1 300 80 3030  
pada kadar tempatan



+603 2171 3030



amassurance-general@ambankgroup.com



Taip AmG<jarak>mesej  
Hantar ke 33911 (AmAlert)

**LAMPIRAN PERNYATAAN PRODUK untuk POLISI INSURANS PERLINDUNGAN BAYARAN ANSURAN  
PINJAMAN PERUMAHAN**

**NOTA PENTING:** Sila baca Lampiran Pernyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Insurans Perlindungan Bayaran Ansuran Pinjaman Perumahan. Pastikan anda juga telah membaca semua terma dan syarat am.

**1. Apakah perincian produk ini?**

Polisi ini melindungi anda terhadap pembayaran balik bulanan pinjaman anda sekiranya anda dimasukkan ke hospital atau berlaku ketidakupayaan akibat penyakit atau kecederaan.

**2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?**

**Manfaat Kemasukan Ke Hospital :** Polisi ini melindungi 1/30 daripada Manfaat Bulanan bagi setiap hari anda berada di hospital sehingga 15 hari untuk Sesuatu Keadaan Hilang Upaya tidak termasuk tempoh 5 hari pertama. Pembayaran paling tinggi yang akan kami buat bagi semua keadaan Hilang Upaya di bawah seluruh Manfaat Kemasukan Ke Hospital ialah 15 hari sepanjang tempoh setiap satu tahun Polisi.

**Manfaat Ketidakupayaan:** Polisi ini melindungi 1/30 daripada Manfaat Bulanan sehingga 6 bulan untuk Sesuatu Keadaan Hilang Upaya tidak termasuk 20 hari pertama. Pembayaran paling tinggi yang akan kami buat bagi semua keadaan Hilang Upaya di bawah seluruh Manfaat Ketidakupayaan ialah 6 bulan sepanjang tempoh setiap satu tahun polisi.

Polisi ini melindungi anda selama 5 tahun.

**3. Berapa premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza-beza bergantung kepada pelan pilihan anda.

Premium tunggal yang perlu dibayar mengikut pelan yang telah dipilih adalah untuk perlindungan selama 5 tahun.

**4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

<u>Apa yang perlu anda bayar selain daripada premium</u>	<u>Jumlah</u>
Duti Setem	RM10.00

<u>Apa yang termasuk dalam premium</u>	<u>Jumlah</u>
Komisyen yang dibayar kepada perantara insurans	15% daripada premium

**5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?**

Tugas Anda untuk mendedahkan:-

Anda perlu memaklumkan kepada Kami apa sahaja yang Anda ketahui, atau yang patut Anda ketahui yang mana boleh mempengaruhi keputusan Kami untuk menginsuranskan Anda dan / atau terma-terma untuk menginsuranskan Anda. Anda mesti melakukannya apabila anda memohon untuk insurans. Apabila Kami menanyakan soalan-soalan yang khusus kepada Anda, Anda perlu menjawab soalan-soalan itu dengan jujur dan dengan cara seseorang yang berfikir munasabah dalam situasi yang sama akan menjawabnya. Adalah penting bahawa setiap orang yang akan diinsuranskan oleh insurans ini menjawab semua soalan dengan cara ini.

Sekiranya anda menyembunyikan maklumat yang relevan atau anda tidak menjawab soalan Kami dengan cara yang telah Kami jelaskan, kami boleh mengurangkan jumlah pembayaran terhadap tuntutan anda, atau kami berhak membatalkan insurans anda. Sekiranya kegagalan anda untuk memaklumkan kepada Kami adalah suatu penipuan, atau jawapan anda tidak jujur, kami berhak menganggap insurans anda sebagai tidak pernah wujud.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk polisi kontrak untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.*

**6. Siapakah yang Kami Bayar?**

Semua manfaat di bawah insurans ini dibayar kepada Pembiaya seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Polisi Anda atau seperti yang diarahkan oleh Pembiaya.

**7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Insurans ini tidak melindungi:--

- Lebih daripada satu Manfaat Bulanan pada satu masa yang sama
- Perang atau sebarang aktiviti seumpamanya
- Keganasan
- Penyakit, kecederaan atau keadaan yang wujud dalam 12 bulan sebelum Tarikh Permulaan.
- Influenza Avian, Epidermik Influenza, Pandemik Influenza.
- Melahirkan anak, pengguguran atau rangsangan kelahiran
- Ketagihan arak, dadah atau berada di bawah pengaruh minuman keras atau dadah yang memabukkan.
- Penyakit atau kecederaan yang sengaja dilakukan kepada diri sendiri atau penglibatan dalam perbuatan jenayah.
- Pengurangan, mengambil bahagian dalam rusuhan atau mogok..
- Penglibatan dalam perlumbaan profesional bermotor.
- Kematian Orang Yang Diinsuranskan.

**8. Bilakah Insurans ini berhenti dari melindungi anda?**

Polisi tamat dan Kami berhenti membayar seawal:

- Tarikh luput Tempoh Insurans, atau tarikh yang mana Tanggungan Pinjaman dibatalkan, dilepaskan, pembiayaan semula ditebus atau ditamatkan, atau
- Pada tarikh Kami memberikan notis bertulis pembatalan insurans ini kepada Anda, atau pada tarikh Anda mencapai ulangtahun kelahiran yang ke-65 tahun sekiranya Anda merupakan satu-satunya orang yang dinamakan sebagai Orang yang Diinsuranskan di dalam Jadual Polisi, atau pada ulangtahun ke-5 Tarikh Mula, atau
- Pada tarikh Anda tidak lagi menjadi penduduk Malaysia atau Anda menetap di luar Malaysia selama lebih dari 6 bulan (kecuali sebaliknya dipersetujui secara bertulis oleh Kami), atau
- Selepas kematian Orang yang Diinsuranskan

Sekiranya terdapat 2 orang yang dinamakan sebagai Orang yang Diinsuranskan pada Jadual Polisi, perlindungan yang diberikan oleh insurans ini akan tamat terhadap orang tersebut apabila mereka mencapai ulangtahun kelahiran ke-65 tahun mereka

**9. Tempoh Bertenang**

Sekiranya Anda tidak berpuashati sepenuhnya dengan Polisi, anda boleh memulangkan Polisi dengan memberitahu Kami dalam tempoh 15 hari daripada tarikh penghantaran Polisi untuk pembatalan. Premium yang telah dibayar akan dikembalikan.

**10. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?**

Anda boleh membatalkan insurans ini dengan memberikan notis empat belas (14) hari secara bertulis kepada kami atau Kami akan membatalkan insurans ini dengan menghantar notis empat belas(14) hari melalui surat berdaftar kepada Anda di alamat terakhir Anda yang diketahui.

Sekiranya tiada tuntutan dibuat di bawah polisi ini, atau sekiranya pembatalan tersebut dikuatkuasakan dalam Tahun Polisi berikutnya selepas tuntutan dibuat, Kami akan mengembalikan premium Anda berdasarkan tempoh sebenar kami melindungi Anda.

Sekiranya tuntutan dibuat dalam Tahun Polisi yang sama dengan pembatalan tersebut dikuatkuasakan, Kami akan mengembalikan premium anda mengikut tempoh kami telah melindungi Anda berdasarkan bulan pertama tahun Polisi berikutnya.

Semua pengembalian premium dikira menurut peratusan yang dinyatakan seperti dalam Jadual Pulangan Nilai.

Jadual Pulangan Nilai

Tempoh Kami Menanggung Risiko Tidak Melebihi (Bulan)	Pengembalian Premium	Tempoh Kami Menanggung Risiko Tidak Melebihi (Bulan)	Pengembalian Premium
1	78.67%	31	38.67%
2	77.33%	32	37.33%
3	76.00%	33	36.00%
4	74.67%	34	34.67%
5	73.33%	35	33.33%
6	72.00%	36	32.00%
7	70.67%	37	30.67%
8	69.33%	38	29.33%
9	68.00%	39	28.00%
10	66.67%	40	26.67%
11	65.33%	41	25.33%
12	64.00%	42	24.00%
13	62.67%	43	22.67%
14	61.33%	44	21.33%
15	60.00%	45	20.00%
16	58.67%	46	18.67%
17	57.33%	47	17.33%
18	56.00%	48	16.00%
19	54.67%	49	14.67%
20	53.33%	50	13.33%
21	52.00%	51	12.00%
22	50.67%	52	10.67%
23	49.33%	53	9.33%
24	48.00%	54	8.00%
25	46.67%	55	6.67%
26	45.33%	56	5.33%
27	44.00%	57	4.00%
28	42.67%	58	2.67%
29	41.33%	59	1.33%
30	40.00%	60	0.00%

11. **Apa yang perlu/harus saya lakukan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butir diri saya?**  
Adalah penting bahawa anda memberitahu kepada kami tentang segala perubahan dalam butiran diri anda untuk memastikan bahawa semua surat menyurat dapat diserahkan kepada anda pada waktu yang tepat.
12. **Di manakah boleh saya boleh memperoleh maklumat yang lebih lanjut?**  
Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:  
**AmG Insurance Berhad**  
13A Floor, Bangunan AmAssurance,  
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia  
**Pusat Perkhidmatan Pelanggan**  
Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance  
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 1 300 80 3030 Faks: (603) 2171 3030  
E-Mail: [amassurance-general@ambankgroup.com](mailto:amassurance-general@ambankgroup.com)  
Homepage: [www.amassurance.com.my](http://www.amassurance.com.my)
13. **Jenis perlindungan yang lain wujud**  
Sila rujuk pada cawangan dan ejen kami untuk jenis perlindungan yang hampir sama yang wujud.

**NOTA PENTING:**  
**ANDA HARUS MEMASTIKAN POLISI INI AKAN DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUSLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**